

14/04/2003

Pahang sedia bekal air mentah untuk tiga negeri

MELAKA: Kerajaan Pahang sedia membekalkan air mentah kepada Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka dengan syarat diberi pegangan ekuiti dalam syarikat yang merawat air untuk kegunaan tiga negeri terbabit.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata perkara itu sudah dirujuk kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan terpulang kepada beliau (Dr Mahathir) menetapkan mekanismenya.

Beliau berkata, syarat itu dianggap wajar kerana Pahang kini tidak mempunyai komoditi lain selain tanah dan balak.

Bagaimanapun, katanya, keluasan tanah di negeri itu semakin terhad manakala balak tidak boleh ditebang sewenang-wenangnya, justeru kerajaan negeri kini bergantung kepada air mentah untuk menjana pendapatan.

"Hasil kajian yang dilakukan oleh Jabatan Bekalan Air (JBA) Pahang mendapati kita mempunyai sumber air berlebihan dan bersedia menyalurkan kepada negeri yang memerlukannya.

"Bagaimanapun, kita berharap selain hasil penjualan air mentah, kita diberi pegangan ekuiti dalam syarikat yang akan merawat air di negeri terbabit.

"Oleh kerana air terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat, kita serahkan kepada Dr Mahathir menetapkan mekanismenya. Kita rasa, Kerajaan Pusat akan mengambil kira pandangan kita," katanya selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Kota Melaka di sini, petang semalam.

Turut hadir, Ketua Umno Bahagian Kota Melaka yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Amid Nordin dan Ketua Umno Bahagian Jasin yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Sains dan Teknologi negeri, Datuk Ahmad Hamzah.

Umno Bahagian Kota Melaka, mempunyai 58 cawangan dengan keahlian kira-kira 16,000 orang. Bahagian Kota Melaka meliputi Dewan Undangan Negeri (Dun) Alai, Duyong, Tengkeru, Durian Daun dan Bandar Hilir. Hanya Dun Alai dan Duyong dimiliki oleh Barisan Nasional (BN) manakala tiga lagi dimiliki pembangkang.

Akhbar sebelum ini melaporkan Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka berminat membeli air mentah dari Pahang untuk menampung bekalan air terutama ketika kemarau.

Sementara itu, dalam ucapannya, Adnan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang dan ahli Majlis Tertinggi Umno berharap ahli Umno bersedia menghadapi pilihan raya umum akan datang.